



KENYATAAN MEDIA

KUALA LUMPUR (3 FEBRUARI 2023) - Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM) amat bimbang dengan keadaan dan kebajikan 36 kanak-kanak yang kini ditempatkan di Depoh Imigresen Lenggeng berikutan penahanan 67 warga Indonesia oleh Jabatan Imigresen selepas serbuan awal pagi yang dijalankan di sebuah penempatan di Nilai Spring pada 1 Februari 2023.

Di samping memperakui tanggungjawab Jabatan Imigresen untuk menguatkuasakan undang-undang imigresen, SUHAKAM ingin menekankan tanggungjawab Malaysia terhadap Konvensyen Hak Kanak-kanak (CRC) dalam menjamin kepentingan terbaik untuk kanak-kanak.

Sehubungan itu, SUHAKAM menyeru agar sokongan kaunseling segera diberikan kepada kanak-kanak berkenaan oleh pihak berkuasa. Pihak berkuasa juga diharap akan menyediakan keperluan jangka pendek kanak-kanak terbabit. Kerentanan dan kesensitifan kanak-kanak harus sentiasa diutamakan dalam sebarang keputusan dasar imigresen. Serbuan pada awal pagi akan memberikan kesan yang mendalam terhadap keadaan mental kanak-kanak.

SUHAKAM juga menyarankan Kerajaan melaksanakan program Alternatif kepada Penahanan (ATD) yang telah diluluskan oleh Kabinet sebagai penyelesaian untuk menempatkan kanak-kanak di tempat sementara yang selamat dan kondusif untuk kesihatan dan kesejahteraan kanak-kanak sementara menunggu status imigresen mereka ditentukan.

SUHAKAM menyokong inisiatif Kerajaan Malaysia melanjutkan Program Rekalibrasi Tenaga Kerja 2.0 yang memberi peluang kepada migran tanpa dokumen untuk menukar status kepada pekerja migran yang sah dalam sektor ekonomi negara kita. Inisiatif dengan kerjasama Kerajaan Indonesia itu dilihat sebagai langkah progresif untuk menyelesaikan isu imigresen yang berlarutan di Malaysia.

-TAMAT-

Prof. Dato' Dr. Rahmat Mohamad
Pengerusi
Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM)
3 February 2023